

Headline	Isu bekalan elektrik: Tunggu kelulusan kerajaan		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	18 Nov 2019	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	36
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	148 cm²		
PR Value	RM 9,413		



Isu bekalan elektrik: Tunggu kelulusan kerajaan

GUA MUSANG - Pelaksanaan projek bekalan elektrik di perkampungan orang asli, Pos Hendrop di sini masih di peringkat kelulusan kerajaan.

Ketua Perkhidmatan Pelangganan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Negeri Kelantan, Bahagian Retail TNB, Muhammad Azli Ab Rahim berkata, setiap tahun TNB diminta membuat anggaran untuk projek bekalan tersebut.

Bagaimanapun katanya, sebagai pelaksana, pihaknya tetap menunggu kelulusan da-



MUHAMAD AZLI

ripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

"Kita hanya pelaksana dan sehingga kini kelulusan belum diperoleh. Kita sedia maklum mengenai isu di Pos Hendrop yang mana kawasan berke-

naan tercicir daripada mendapat bekalan elektrik.

"Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan bekalan kepada semua namun ia memerlukan kelulusan di peringkat kementerian," katanya di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian

selepas menyampaikan sumbangan bernilai RM17,700 kepada masyarakat orang asli suku Bateq, Kampung Kuala Koh.

Pos Hendrop mempunyai 971 penduduk merangkumi 250 buah rumah yang terdiri daripada lapan kampung.

Kampung yang berada di bawah pentadbiran pos ini ialah Kampung Layer, Kampung Rek Rek, Kampung Palok, Kampung Sentok, Kampung Hendrop, Kampung Plug, Kampung Sedau dan Kampung Temarik.

Meskipun berada di pinggir jalan utama Gua Musang-Lojing namun penduduknya masih belum menikmati bekalan elektrik sehingga kini.